

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD [ SHAH ALAM ]**

**TARIKH JAWAPAN :  
DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan langkah kerajaan dalam menjalankan inisiatif tenaga boleh baharu semenjak Rancangan Malaysia ke-9 sehingga sekarang.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kerajaan telah mula melaksanakan program Tenaga Boleh Baharu (TBB) sejak Rancangan Malaysia Ke-8 bagi mengurangkan kebergantungan kepada bahan api fosil apabila Dasar Lima Bahan Api (*Five Fuel Policy*) diperkenalkan. Dibawah dasar ini, sumber TBB iaitu biomas, biogas, mini-hidro dan solar telah dikenalpasti sebagai sumber tenaga alternatif selain daripada tenaga konvensional iaitu minyak, gas, arang batu dan hidro untuk penjanaan tenaga elektrik. Selaras dengan pelaksanaan Dasar ini, Program *Small Renewable Energy Power* (SREP) telah diperkenalkan bagi menggalakkan lagi pembangunan tenaga boleh baharu di negara ini. Di bawah program ini, para pemaju boleh membangunkan stesen penjanaan tenaga elektrik berasaskan sumber-sumber TBB seperti *biomass*, biogas dan *mini-hidro* untuk dijual kepada pihak utiliti.
2. Selain itu, Kerajaan juga telah melaksanakan program-program seperti, dengan izin, *Malaysian Building Integrated Photovoltaics*

(MBIPV) dan *Biomass Based Generation and Cogeneration* (Biogen) dengan kerjasama *United Nations Development Program* (UNDP) bagi menggalakkan penggunaan solar fotovoltaik dan biomass bagi penjanaan elektrik. Kemudahan-kemudahan insentif fiskal juga telah disediakan oleh Kerajaan bagi menggalakkan lagi penyertaan dalam pembangunan projek-projek Tenaga Boleh Baharu seperti taraf perintis, pengecualian cukai pelaburan, pengecualian duti import dan cukai jualan.

3. Bagi memacu pembangunan Tenaga Boleh Baharu di negara ini dengan lebih pesat, Kementerian telah memperkenalkan pelaksanaan mekanisme *Feed-in Tariff* (FiT) di bawah Dasar dan Pelan Tindakan Tenaga Boleh Baharu yang baru di bawah RMKe-10. Dasar ini dirangka bagi meningkatkan sumbangan tenaga boleh baharu bagi menjamin keselamatan tenaga (*energy security*) serta meningkatkan pembangunan sosio-ekonomi negara. Sasaran yang telah ditetapkan di bawah dasar ini adalah sebanyak 2,080MW menjelang tahun 2020.
4. Mekanisme FiT telah dilaksanakan bermula daripada 1 Disember 2011 selaras dengan penguatkuasaan Akta TBB 2011. Di bawah mekanisme ini, lima (5) sumber TBB telah dikenal pasti layak untuk

mendapat kadar FiT iaitu biomas daripada sisa pertanian dan sisa pepejal, biogas, hidrokuasa kecil, solar PV dan geothermal. Sehingga 31 Oktober 2014, sebanyak **4,626** permohonan dengan jumlah kapasiti terpasang sebanyak **917 MW** telah diluluskan oleh SEDA Malaysia. Daripada jumlah yang diluluskan, sebanyak **2,417** telah bersambung ke grid dan beroperasi dengan jumlah kapasiti terpasang sebanyak **242 MW**. Berdasarkan kepada jumlah kuota yang diluluskan sehingga 31 Oktober 2014, pelaksanaan Mekanisme FiT dianggarkan telah mewujudkan sebanyak 19,104 peluang pekerjaan dan mengelakkan pembebasan karbon dioksida (CO<sub>2</sub>) ke atmosfera sebanyak 2,789,686 <sub>mtco2eq</sub> sehingga separuh tahun pertama 2017.

5. Pelaksanaan Mekanisme FiT juga telah berjaya menarik pelaburan daripada sektor swasta yang dianggarkan sebanyak RM7.06 bilion bagi membangunkan projek-projek FiT. Ia juga telah menjadi pemangkin kepada pertumbuhan industri baru iaitu industri TBB negara yang terdiri daripada pembekal perkhidmatan TBB dan juga pembuatan (*manufacturing*) komponen TBB khususnya solar PV.

\*\*\*\*\*